

**SYARAT-SYARAT TAWARAN PINJAMAN PELAJARAN PERSEKUTUAN  
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM**

---

**1. PERINGKAT PENAJAAN**

Pelajar dikehendaki mengikuti pengajian sebagaimana yang telah ditetapkan dalam **Surat Tawaran** seperti berikut:

**1.1 Kursus Persediaan**

Kursus ini akan diadakan mengikut program, tempoh dan tempat yang telah ditetapkan oleh pihak Kerajaan sebagaimana yang tercatat di dalam Surat Tawaran.

**1.2 Pengajian Di Peringkat Ijazah Dalam Negara**

1.2.1 Pelajar-pelajar akan ditaja untuk pengajian peringkat Ijazah Pertama di IPT dalam negara mengikut bidang tertakluk kepada pelajar melepasi Had Kecemerlangan Akademik (HKA) yang ditetapkan oleh Kerajaan.

1.2.2 Penajaan di Universiti Awam (UA) dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) adalah meliputi semua bidang seperti yang dinyatakan **kecuali** bidang pendidikan, penerbangan, kejururawatan, separa perubatan, kursus profesional atau program yang dilaksanakan secara Program Berkembar. Bidang pengajian yang diikuti hendaklah telah mendapat **akreditasi penuh** Agensi Akreditasi Malaysia (MQA) dan badan profesional berkaitan.

1.2.3 **Kerajaan TIDAK menaja semua bidang pengajian yang memerlukan kelayakan profesional tambahan sebagai syarat bergraduat** (contohnya: ACCA, Sijil Penerbangan, Sijil Penyenggaraan Pesawat, *Certificate in Legal Practice* (CLP), Sijil Profesional, Diploma Lanjutan, struktur pengajian tambahan seperti LLBS dan sebagainya).

## 2. PERJANJIAN

- 2.1 Pelajar dan Penjamin dikehendaki menandatangani **Perjanjian Pinjaman Pelajaran Persekutuan** dan akan terikat untuk berkhidmat di Malaysia selama tempoh yang ditetapkan setelah tamat pengajian kelak.
- 2.2 Tatacara menandatangani perjanjian adalah seperti di dalam **Video Manual Panduan Pengguna (Pelajar dan Penjamin)** dalam ePenawaran. Kegagalan atau kelewatan menandatangani perjanjian ini akan mengakibatkan tawaran pinjaman pelajaran ini terbatal dengan sendirinya.
- 2.3 Pelajar adalah terikat dengan segala terma dan syarat yang terkandung dalam perjanjian tersebut yang dibaca bersekali bersama-sama dengan Surat Tawaran.

## 3. KELULUSAN BAHASA MELAYU

Sekiranya pelajar tidak mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), adalah menjadi tanggungjawab pelajar untuk mendapatkan kelulusan tersebut sebagai memenuhi salah satu syarat bagi pelantikan ke Perkhidmatan Awam setelah pelajar tamat pengajian dengan jaya kelak.

## 4. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PELAJAR

Semasa mengikuti mana-mana peringkat pengajian yang dinyatakan di perenggan 1 di atas, pelajar **hendaklah** mematuhi semua arahan / peraturan sebagaimana berikut:

- 4.1 Pelajar dan Penjamin dikehendaki menandatangani **Perjanjian Pinjaman Pelajaran Persekutuan**.
- 4.2 **Berkelakuan** sebagai seorang pelajar yang bertanggungjawab dan dikehendaki mematuhi semua arahan / peraturan yang dikeluarkan oleh pihak institusi pengajian berkenaan dan JPA dari semasa ke semasa.
- 4.3 **Memasuki dan meneruskan** pengajian serta menghadiri kuliah, seminar, ceramah, tutorial, ujian, peperiksaan dan apa-apa program yang dijalankan berkaitan dengan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan.

- 4.4 **Diwajibkan** mengikuti pengajian yang ditaja oleh JPA. Pertukaran institusi/ bidang / peringkat pengajian dalam pengajian yang diikuti adalah **dilarang tanpa mendapat kelulusan JPA terlebih dahulu.**
- 4.5 **Tidak boleh** terlibat dalam mana-mana kesalahan jenayah dan apa-apa perkara yang akan mencemarkan nama baik Kerajaan dan Negara.
- 4.6 **Tidak dibenarkan** mengambil bahagian dalam apa-apa kegiatan yang difikirkan oleh Kerajaan tidak selaras dengan kepentingan pelajar atau kepentingan Kerajaan.
- 4.7 **Tidak dibenarkan** memegang apa-apa jawatan, menjadi ahli atau mengambil bahagian dalam apa-apa pertubuhan, badan atau kumpulan yang pada pendapat Kerajaan boleh ditafsirkan sebagai bercorak politik / militan / subversif tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Kerajaan dan Kerajaan mengikut budi bicara mutlakanya, boleh memberi atau tidak memberi kelulusan tersebut.
- 4.8 **Tidak boleh** menerima apa-apa pekerjaan sama ada yang berpendapatan atau pun tidak, kecuali mendapat kebenaran JPA terlebih dahulu.
- 4.9 Dikehendaki mengemukakan kepada JPA satu **salinan keputusan peperiksaan / ujian penggal, semester, tahunan atau akhir** dalam tempoh satu bulan selepas keputusan diumumkan dan JPA boleh menahan apa jua bayaran kepada pelajar sekiranya gagal mengemukakan keputusan peperiksaan tersebut.
- 4.10 Bagi pelajar yang tidak mencapai HKA yang ditetapkan hendaklah mengemukakan Borang Tunjuk Sebab Kemerosotan Akademik kepada pihak JPA. HKA yang ditetapkan bagi pelajar adalah seperti di **LAMPIRAN A1**. Borang permohonan boleh dimuat turun dari laman web rasmi JPA.
- 4.11 **Pelajar yang tidak mencapai HKA yang ditetapkan bagi dua semester berturut-turut boleh ditamatkan penajaan.**
- 4.12 **Tidak dibenarkan** berkahwin tanpa kelulusan JPA semasa mengikuti pengajian. Sekiranya pelajar diketahui telah berkahwin sebelum mengikuti pengajian, maka tawaran ini akan terbatal dengan sendirinya. Walau bagaimanapun, hanya dalam keadaan-keadaan tertentu, permohonan boleh dipertimbangkan tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- 4.12.1 **mendapat persetujuan dan kebenaran bertulis** daripada ibu bapa, penjamin dan JPA dengan mengisi borang-borang yang ditetapkan oleh JPA;
- 4.12.2 **mematuhi peraturan-peraturan nikah kahwin** yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa;
- 4.12.3 **Kerajaan tidak akan bertanggungjawab** menanggung apa-apa perbelanjaan yang timbul di atas perkara ini seperti komplikasi semasa mengandung dan bersalin;
- 4.12.4 **jika terdapat sebarang pelanjutan atau penangguhan pengajian disebabkan perkahwinan pelajar, JPA tidak akan mempertimbangkan sebarang penajaan semasa tempoh pelanjutan dan/atau penangguhan tersebut;** dan
- 4.12.5 Kerajaan berhak menarik balik penajaan dan menuntut balik perbelanjaan sebenar jika **prestasi akademik** pelajar **tidak memuaskan** sama ada secara langsung atau tidak langsung diakibatkan oleh perkahwinan ini.
- 4.13 **Pelajar hendaklah berpakaian sopan** mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh institusi pengajian dan semasa menghadiri program atau sesi perjumpaan yang dianjurkan oleh JPA.
- 4.14 Pelajar bertanggungjawab **memaklumkan kepada JPA** sebarang pertukaran e-mel, nombor telefon, alamat tempat tinggal pelajar dan penjamin dari semasa ke semasa (jika ada).
- 4.15 Pelajar dikehendaki **menamatkan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan**. Sekiranya pelajar memerlukan pelanjutan tempoh pengajian, pelajar perlu memohon secara rasmi kepada JPA **tiga bulan sebelum tamat tempoh tajaan asal** dengan menyertakan maklumat berikut:
- 4.15.1 **sebab-sebab gagal** menamatkan pengajian dalam tempoh tajaan. Sekiranya gagal disebabkan oleh masalah kesihatan, laporan perubatan yang disahkan oleh Pakar Perubatan dari Hospital Kerajaan perlu dikemukakan;

4.15.2 Borang Permohonan Pelanjutan Penajaan hendaklah diisi dengan lengkap. **Borang permohonan boleh dimuat turun dari laman web rasmi JPA;**

4.15.3 struktur pengajian dari semester pertama sehingga semester terakhir; dan

4.15.4 semua keputusan peperiksaan / semester atau tahunan.

#### 4.16 **Penangguhan Pengajian**

Pelajar **tidak dibenarkan** membuat sebarang penangguhan pengajian tanpa mendapat kelulusan bertulis daripada JPA terlebih dahulu. **Borang Permohonan Penangguhan Penajaan** boleh dimuat turun dari laman web rasmi JPA.

#### 4.17 **Pindaan Tempoh Tawaran**

Sebarang permohonan bagi pindaan terhadap tempoh penajaan yang disebabkan oleh perubahan struktur pengajian, polisi institusi, perpindahan jam kredit atau sebab-sebab lain, perlu **mendapat kelulusan bertulis daripada JPA terlebih dahulu**. **Borang Permohonan Pindaan Tempoh Penajaan** boleh dimuat turun dari laman web rasmi JPA.

#### 4.18 **Program Mobiliti / Pertukaran Pelajar / Gap Year / Year Out**

Bagi pelajar yang diperakui oleh Institusi Pengajiannya untuk mengikuti Program Mobiliti / Pertukaran Pelajar / *Gap Year* / *Year Out* hendaklah mengemukakan permohonan dan terlebih dahulu mendapatkan kelulusan bertulis daripada JPA. Kegagalan untuk mendapatkan kelulusan daripada JPA boleh memberi implikasi kepada penajaan. Borang permohonan boleh dimuat turun dari laman web rasmi JPA.

#### 4.19 **Tamat Pengajian**

Pelajar dalam negara dikehendaki **melapor diri dan mengemukakan satu** salinan transkrip sijil / diploma / ijazah atau surat pengesahan tamat pengajian kepada JPA sebaik sahaja memperoleh slip keputusan peperiksaan akhir.

## 5. ELAUN DAN KEMUDAHAN

- 5.1 Semasa mengikuti pengajian, pelajar adalah layak menerima elaun dan kemudahan seperti di **LAMPIRAN A2** tertakluk kepada syarat yang ditetapkan.
- 5.2 Selain itu, pelajar layak menerima kemudahan tambang kapal terbang tertakluk kepada syarat berikut:
- 5.2.1 Pelajar Semenanjung yang belajar di Sabah/Sarawak/Labuan dan sebaliknya;
  - 5.2.2 Pelajar Sarawak yang belajar di Sabah dan sebaliknya; dan
  - 5.2.3 Pelajar Labuan yang belajar di Sarawak/Sabah dan sebaliknya.

JPA akan membayar tambang bersamaan sekali di awal dan sekali di akhir tiap-tiap tahun pengajian yang akan dibayar bersekali dengan bayaran Elaun Sara Hidup (ESH) pelajar.

- 5.3 Bayaran ESH akan dikreditkan ke akaun bank pelajar dan hendaklah menggunakan bank yang ditetapkan oleh JPA.
- 5.4 Bayaran duti setem akan diuruskan oleh JPA bagi pihak pelajar dan caj tersebut akan dipotong daripada bayaran ESH pertama.
- 5.5 **Pelajar yang mengikuti pengajian di Universiti Awam (UA) kecuali Program Dual Ijazah Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah - Beijing Jiaotong University (UMPSA-BJTU), yuran pengajian mengikut kadar seperti dalam Lampiran A2 akan dibayar kepada pelajar dan pelajar bertanggungjawab untuk melunaskan bayaran yuran pengajian kepada UA masing-masing.**

Manakala untuk **Program Dual Ijazah UMPSA-BJTU, JPA akan membayar yuran pengajian terus kepada universiti**. Adalah menjadi tanggungjawab pelajar untuk mengingatkan pihak institusi agar mengemukakan invoice pada tarikh yang ditetapkan.

- 5.6 **Pelajar yang mengikuti pengajian di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), JPA akan membayar yuran pengajian terus kepada institusi** . Adalah menjadi tanggungjawab pelajar untuk mengingatkan pihak institusi agar mengemukakan invoice pada tarikh yang ditetapkan.
- 5.7 Sekiranya terdapat lebih bayaran elaun yang dikreditkan ke akaun pelajar (elaun terlebih bayar), maka menjadi tanggungjawab pelajar untuk mengembalikan semua lebih bayaran tersebut kepada JPA. Kegagalan pelajar berbuat demikian selepas diminta oleh JPA, boleh menyebabkan penajaan pelajar ditamatkan dengan serta merta.

## 6. PROGRAM DUAL IJAZAH UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH - BEIJING JIAOTONG UNIVERSITY (UMP-BJTU)

- 6.1 Bagi pelajar yang ditawarkan penajaan **Program Dual Ijazah UMPSA-BJTU** , penajaan bermula tahun kedua pengajian di Universiti Malaysia Pahang (UMPSA) seterusnya menyambung pengajian di Beijing Jiaotong University (BJTU) selama 2 1/2 tahun.
- 6.2 Pelajar yang tidak mencapai tahap minimum yang ditetapkan boleh ditamatkan penajaan.
- 6.3 Sekiranya pelajar UMPSA-BJTU di bawah tajaan JPA **tidak berjaya menamatkan pengajian di BJTU, pelajar boleh ditamatkan tajaan dengan tuntutan perbelanjaan sebenar**. Jika ditamatkan penajaan, pelajar masih boleh meneruskan pengajian di UMPSA tanpa tajaan JPA, tertakluk kepada penerimaan UMPSA.
- 6.4 Yuran pengajian (termasuk semasa pelajar sedang menyambung pengajian di BJTU) adalah berdasarkan invoice yang dikemukakan oleh pihak UMPSA sahaja. Kadar elaun penajaan adalah berdasarkan kadar yang telah ditetapkan bagi negara pengajian tersebut.
- 6.5 Bagi pelajar yang mengikuti pengajian di luar negara, proses permohonan dan perbelanjaan untuk mendapatkan dokumen perjalanan / passport antarabangsa adalah menjadi tanggungjawab dan tanggungan pelajar sendiri. Walau bagaimanapun, JPA akan mengeluarkan surat permohonan membuat Passport Malaysia Antarabangsa dengan kadar bayaran pelajar ( *student rate* ) kepada pelajar bagi urusan permohonan passport baharu dengan Jabatan Imigresen Malaysia.
- 6.6 Bayaran yang wajib bagi memenuhi keperluan permohonan visa dan insurans kesihatan di negara pengajian boleh dituntut bayaran balik dengan JPA, tertakluk kepada jenis-jenis tuntutan yang layak dibuat bayaran balik mengikut ketetapan dan peraturan kewangan yang sedang berkuatkuasa.

## 7. LATIHAN SISWAZAH (*HOUSEMANSHIP*) DAN / ATAU KHIDMAT WAJIB BAGI BIDANG PERUBATAN, PERGIGIAN DAN FARMASI

Bagi pelajar perubatan, pergigian dan farmasi, pelajar dikehendaki menjalani latihan siswazah dan / atau khidmat wajib di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia atau lain-lain arahan berkhidmat yang ditetapkan oleh Kerajaan.

## 8. MAKLUMAT PERHUBUNGAN

Sebarang urusan dengan Jabatan ini melalui e-mel, pelajar hendaklah menyatakan **nama, nombor kad pengenalan, bidang pengajian, institusi pengajian, nombor telefon dan butiran lengkap pertanyaan/isu/permohonan** bagi memudahkan urusan semakan maklumat dan maklum balas.

## 9. PELANGGARAN SYARAT-SYARAT TAWARAN

**Pinjaman Pelajaran Persekutuan ini akan ditamatkan** sekiranya didapati pelajar melanggar mana-mana syarat tawaran seperti yang telah dinyatakan. Sekiranya ini berlaku, pelajar dan penjamin dikehendaki membayar balik keseluruhan pinjaman mengikut jumlah perbelanjaan sebenar yang dikeluarkan oleh Kerajaan.

## 10. PERUNTUKAN-PERUNTUKAN LAIN

Walau apa pun peruntukan dalam syarat tawaran ini, **Kerajaan berhak meminda segala terma dan syarat yang ditetapkan dan / atau menambahnya pada bila-bila masa sahaja** dengan memberi notis bertulis kepada pelajar dan penjamin sebelum berkuatkuasanya notis itu dan pelajar dan penjamin adalah tertakluk kepada pindaan-pindaan itu. **Kerajaan juga berhak menamatkan Pinjaman Pelajaran Persekutuan ini tanpa memberikan sebarang sebab.**

**Bahagian Pembangunan Modal Insan  
Jabatan Perkhidmatan Awam**

### HAD KECEMERLANGAN AKADEMIK (HKA) BAGI SETIAP SESI PENILAIAN / SEMESTER PENGAJIAN

SESI PENILAIAN	JENIS PENILAIAN	BIDANG PENGAJIAN					
		SASTERA / SAINS SOSIAL	SENIBINA	SAINS / SAINS KESIHATAN / VETERINAR	KEJURUTERAAN / TEKNOLOGI	FARMASI	PERUBATAN / PERGIGIAN
Semester	PNGK	3.0	3.0	3.0	3.0	3.0	LULUS

\*Nota: Sesi penilaian merujuk kepada semester atau tahun tertakluk kepada sistem yang diguna pakai oleh IPT tempatan.

### HAD KECEMERLANGAN AKADEMIK (HKA) BAGI SUB-PROGRAM DUAL IJAZAH UMP-BJTU

PENGAJIAN DI UMP	PENGAJIAN DI BJTU
Pelajar hendaklah melepasi HKA dalam negara (minimum PNGK 3.00).	Pelajar akan mengikuti pengajian di BJTU mengikut program pengajian yang ditetapkan dan hendaklah melepasi HKA (minimum PNGK 3.00 atau setara) di BJTU, China.
Pelajar hendaklah menduduki peperiksaan HSK3 dan hendaklah mencapai sekurang-kurangnya 150 / 300 markah.	Pelajar juga perlu melepasi peperiksaan HSK4 untuk bergraduat.

LAMPIRAN A2

KADAR PENAJAAN BAGI PENGAJIAN PERINGKAT DIPLOMA DAN IJAZAH PERTAMA DI IPT TEMPATAN									
Peringkat Pengajian	Elaun Sara Hidup (Sebulan) (RM)	Elaun Buku (Setahun) (RM)	Elaun Alat Perkakas (Setahun) (RM)	Elaun Tesis (Sekali Sahaja) (RM)	Elaun Kertas Projek (Setahun) (RM)	Elaun Latihan Amali (Sehari) (RM)	Yuran Pengajian (Setahun) (RM)		
	Kadar						UA	1. UiTM/ Politeknik	2. IPTS
<b>DIPLOMA</b>									
(a) Sastera	730	400	50	-	150	10	966	400	Tertakluk kepada IPTS
(b) Sains			100						
(c) Teknologi			150						
(d) Senibina			250						
(e) Perubatan Bersekutu			250						
<b>IJAZAH PERTAMA</b>									
(a) Sastera	800	600	100	300	150	10	1,100	400	Tertakluk kepada IPTS
(b) Sains	800	600	200	300	150	10	1,240		
(c) Teknologi	800	600	300	300	150	10	1,400		
(d) Senibina	800	600	500	300	150	10	1,400		
(e) Perubatan									
(i) Veterinar	800	1,000	500	300	150	10	1,700		
(ii) Perubatan/ Pergigian/ Farmasi	870	1,000	500	300	150	10	1,800		

**CATATAN:**

1. Bagi pelajar UiTM/ Politeknik, jumlah yuran adalah sebanyak RM400/ setahun bagi kedua-dua peringkat pengajian iaitu Diploma dan Ijazah Pertama. Pelajar-pelajar di universiti awam lain akan menerima yuran pengajian seperti yang ditetapkan di jadual di atas.
2. Bagi pelajar di Universiti Awam (UA), yuran pengajian akan dibayar terus kepada pelajar. **Pelajar bertanggungjawab untuk melunaskan bayaran yuran pengajian kepada UA masing-masing.**
3. Bagi pelajar di IPTS, yuran pengajian akan dibayar terus kepada institusi pengajian. Tambang kapal terbang dibayar kepada pelajar yang layak dan menjadi sebahagian daripada pakej penajaan.
4. Bagi pelajar UMP-BJTU, bayaran elaun dalam negara adalah seperti jadual di atas. Yuran pengajian akan dibayar terus kepada UMP. Semasa pengajian di BJTU, kadar penajaan adalah berdasarkan kadar yang ditetapkan oleh JPA.